



## NOTIS

### **PELAWAAN UNTUK KERJA-KERJA PEMASANGAN DAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN CAPAIAN INTERNET SECARA KOLEKTIF DI KAWASAN SASARAN PERKHIDMATAN SEJAGAT MENERUSI INISIATIF PUSAT INTERNET KOMUNITI**

**CYBERJAYA, 15 April 2021** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan satu pelawaan kepada semua pemegang lesen yang berminat dan berkelayakan untuk melaksanakan kerja-kerja pemasangan dan penyediaan perkhidmatan capaian internet secara kolektif di kawasan sasaran perkhidmatan sejagat (UST) merangkumi 37 lokasi seperti disenaraikan dalam dokumen pelawaan menerusi pautan berikut:-

<https://www.mcmc.gov.my/en/procurement-notice/tenders>

Penyediaan perkhidmatan capaian internet ini dilaksanakan menerusi penubuhan 37 Pusat Internet Komuniti (PIK) yang akan dibiayai di bawah Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Ini melibatkan negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Sarawak. Kerja-kerja ini merangkumi penempatan semula dan penaiktarafan perkhidmatan akses internet secara kolektif melibatkan 37 Pusat Internet Desa (PID) yang berada di bawah kendalian Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Pelawaan untuk mendaftar minat dengan mengemukakan Draf Rancangan Perkhidmatan Sejagat dibuat di bawah Peraturan 5, Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002. Pemegang lesen yang berminat dan berkelayakan dikehendaki mendaftar minat mengikut saluran yang disediakan oleh MCMC pada 22 April 2021, manakala Draf Rancangan Perkhidmatan Sejagat hendaklah diserahkan pada 3 Jun 2021.

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**